

28/10/2003

Mahathir puas hati prestasi Mimos

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam meluangkan masa hampir dua jam mendengar taklimat mengenai teknologi terkini dan masa depan Internet di Mimos Berhad (Mimos).

Walaupun akan bersara Jumaat ini, Perdana Menteri menunjukkan minat mendalam, terutama tindakan yang perlu diambil Malaysia bagi memanfaatkan teknologi terbaru Internet itu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, berkata Dr Mahathir berpuas hati dengan prestasi Mimos dan bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan.

"Perdana Menteri puas hati dan kita akan teruskan dan gandakan kerja yang sudah dibuat," katanya kepada pemberita selepas Dr Mahathir meninggalkan Mimos.

Terdahulu, lebih 1,000 kakitangan Mimos mengambil kesempatan beramah mesra dengan Perdana Menteri. Mereka mengerumuni beliau untuk bersalaman dan bergambar serta mendapatkan tandatangan beliau.

Sekumpulan kanak-kanak Tadika Mimos Berhad turut menyampaikan kad ucapan ciptaan sendiri kepada Dr Mahathir sebagai mengenang jasa beliau menerajui negara selama 22 tahun.

Menjelang lanjut perbincangan dengan Perdana Menteri, Tengku Mohd Azzman berkata pihaknya menerangkan mengenai perkembangan teknologi Internet dan tindakan yang perlu diambil Malaysia bagi meraih keuntungan lebih tinggi dengan penggunaan lebih bijak.

Katanya, perkembangan Internet tidak akan terhenti, sebaliknya diteruskan dengan pengenalan protokol Internet versi keenam yang membolehkan setiap penghuni dunia mendapat alamat Internet sendiri.

"Sekarang di bawah protokol versi keempat, ia tidak dapat diadakan kerana tidak cukup alamat. Dalam versi keenam kita dapat beri satu individu satu alamat dan individu akan lebih kuat dan pengaruh," katanya.